



**DASAR BAHASA DALAM PENDIDIKAN DARI PENYATA
RAHMAN TALIB (1960) HINGGA ZAMAN
ABDUL RAHMAN YAAKUB (1970)**

LAILA BINTI ABDULLAH



**PROJEK SARJANA DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2004





PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

18.04. 2004

LAILA BINTI ABDULLAH

2000-00158





PENGESAHAN

Penulisan projek sarjana ini diterima dan diluluskan bagi memenuhi sebahagian
syarat memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan.

(PROFESOR ABDULLAH HASSAN)

Penyelia Projek Sarjana

(BMP 6146)





PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah kerana dengan izinnya penyelidik dapat menyiapkan kajian ini meskipun terdapat pelbagai kekangan yang dihadapi, terutamanya faktor masa dan kesukaran mendapatkan laporan-laporan yang berkaitan dengan dasar bahasa dalam pendidikan.

Setinggi-tinggi penghargaan khasnya ditujukan kepada Profesor Abdullah Hassan penyelia projek ini atas tunjuk ajar dan nasihat beliau.

Penyelidik juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tun Abdul Rahman bin Yaakub yang meluangkan masa untuk ditemu bual oleh penyelidik pada 06 April 2004. Beberapa pihak yang turut serta memberi kerjasama dan sokongan bagi menjayakan penyelidikan ini. Antaranya ialah:

1. Staf Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (EPRD).
3. Staf Perpustakaan Utama, Universiti Malaya.
4. Staf Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya.
5. Staf Dewan Penyelidikan, Arkib Negara.
6. Staf Perpustakaan Negara.
7. Staf Bahagian Penyelidikan, Dewan Bahasa dan Pustaka.
8. Rakan-rakan sekumpulan yang membantu.

Sesungguhnya, sumbangan yang diberikan amat dihargai. Semoga jasa baik semua pihak secara langsung dan tidak langsung akan mendapat keberkatan daripada Allah.

Sekian, Terima kasih.

Laila binti Abdullah





KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI RAJAH	vi
ABSTRAK	viii
ABSTRACT	ix

BAB 1

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	01 - 08
1.2 Dasar Bahasa Di Malaysia dan Ciri-ciri Utamanya	08 - 10
1.3 Pelaksanaan Dasar Bahasa	10 - 11
1.4 Dasar Pendidikan Kebangsaan	11
1.5 Strategi Pelaksanaan	11 - 12

BAB II

2.0 SKOP KAJIAN

2.1 Fokus Kajian	14
2.2 Objektif Kajian	14 - 15
2.3 Kajian Literatur	15
2.4 Kajian di Malaysia	15 - 17
2.5 Konsep	18
2.5.1 Dasar	18 - 19
2.5.2 Bahasa	19
2.5.3 Pendidikan	20



**BAB III****3.0 METODOLOGI**

3.1 Pendahuluan	21
3.2 Kerangka Kajian	21 - 23
3.3 Alat Kajian	23 - 25

BAB IV**4.0 SINTESIS DAN PENILAIAN**

4.1 Pendahuluan	26 - 28
4.2 Penyata Razak (1956)	28 - 44
4.3 Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka	45 - 47
4.4 Penyata Rahman Talib (1960)	47 - 58
4.5 Penyata Aminuddin Baki (1962)	59 - 70
4.6 Penyata Jawatankuasa Perancang Pelajaran Tinggi (1967)	70 - 77
4.7 Zaman Abdul Rahman Yaakub (1970)	77 - 86

BAB V**5.0 PENDAHULUAN**

5.1 Pengenalan	87
5.2 Sistem Pendidikan di Sabah	89 - 91
5.3 Sistem Pendidikan di Sarawak	91 - 93

BAB VI

6.0 KESIMPULAN	94 - 115
----------------	----------

RUJUKAN	116 - 118
---------	-----------

LAMPIRAN 1	119
LAMPIRAN 2	120
LAMPIRAN 3	121
LAMPIRAN 4	122 - 125



**SENARAI RAJAH****RAJAH****HALAMAN****BAB III**

3.2	MODEL PERANCANGAN BAHASA MELAYU	22
-----	---------------------------------	----

BAB IV

4.1	PENGAJARAN PERINGKAT RENDAH	39
4.2	PENGAJARAN PERINGKAT MENENGAH	39
4.3	PERINGKAT PENDIDIKAN MENGIKUT PENYATA RAZAK 1956	44
4.4	PERINGKAT PENDIDIKAN MENGIKUT PENYATA RAHMAN TALIB 1960	58
4.5	SISTEM PENDIDIKAN ANEKA JURUSAN MENGIKUT PENYATA AMINUDDIN BAKI 1962	70

BAB V

5.1	SISTEM PERSEKOLAHAN DI SABAH 1956	90
5.2	SISTEM PERSEKOLAHAN DI SARAWAK 1956	93





ABSTRAK

Penyelidikan ini mengkaji implikasi dasar bahasa dalam Penyata Razak (1956), Penyata Rahman Talib (1960), Penyata Aminuddin Baki (1962), Penyata Jawatankuasa Perancang Pelajaran Tinggi (1967), zaman Abdul Rahman Yaakub (1970) dan perkembangan sistem pendidikan di Sabah dan di Sarawak. Kajian dijalankan melalui kaedah kepustakaan berbentuk kualitatif, menerangkan peristiwa secara menyeluruh berdasarkan manuskrip asal, penilaian terhadap dokumen dan temu bual dengan tokoh. Seterusnya, kajian melaporkan keputusan dan perbincangan tentang kekuatan, kelemahan, dasar yang berjaya dilaksanakan dan dasar yang gagal dilaksanakan. Semua laporan berdasarkan fakta dan maklumat yang diperoleh melalui bacaan rujukan dan temu bual. Kajian ini membuat kesimpulan mengenai perubahan-perubahan yang berlaku terhadap dasar bahasa dalam bidang pendidikan.





ABSTRACT

This study aims to study the implications of the language policies in Razak's Report (1956), Rahman Talib's Report (1960), Aminuddin Baki's Report (1962), Higher Education Scheme Committee's Report (1967) that of Abdul Rahman Yaakub (1970) administration as well as the development of the educational system in Sabah and Sarawak. This is a n library research describing the entire period covered by the above reports, and an interview carried with the former Minister of Education, Abdul Rahman Yaakub. An evaluation of the strengths and weaknesses of the above policies were discussed. Successes and failures in implementing the above policies were done. This study concludes with the changes in the development of the language policies studied.





BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahasa dan pendidikan adalah dua aspek penting yang bertimbal balik antara satu sama lain. Bahasa merupakan unsur sosial dan berfungsi sebagai wahana komunikasi dan interaksi yang berkesan. Bahasa digunakan sebagai alat berfikir, alat budaya, sumber kemajuan dan tamadun, sumber perpaduan, penyebar ilmu, dan yang tidak kurang pentingnya ialah pembentuk nilai dan jati diri bangsa.

Pendidikan pula memainkan peranan penting sebagai agen dan alat untuk memupuk, memelihara perpaduan dalam sesebuah negara. Oleh itu, dasar pendidikan sesebuah negara berperanan menyatupadukan rakyat, khususnya bagi negara yang mempunyai masyarakat majmuk. Atas kesedaran inilah lahirnya tokoh-tokoh pendidikan yang menyatakan sistem pendidikan kebangsaan perlu diwujudkan bagi menggantikan sistem pendidikan yang diwarisi daripada penjajah. Lantaran itu,





berlakulah reformasi pendidikan. Ekoran itu, terbentuklah Dasar Pelajaran Kebangsaan melalui Penyata Razak (1956) yang termaktub dalam Ordinan Pelajaran (1957). Reformasi pendidikan terus berlaku dan terbentuk pula Jawatankuasa Penyemak Pelajaran (1960) yang menghasilkan Penyata Rahman Talib, Laporan Jawatankuasa (1979) dan Laporan Kabinet (1995).

Sistem pendidikan di Malaysia bermatlamat membentuk masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan berpengetahuan, bertanggungjawab, berkebolehan dan berwawasan. Setiap negara di dunia mempunyai dasar bahasanya sendiri. Ada yang bertulis dan termaktub dalam perlembagaan negara atau ditakrifkan melalui undang-undang tertentu, dan ada yang tidak bertulis. Sama ada dasar bahasa itu bertulis atau tidak bertulis, tujuannya ada tiga iaitu:

1. Bagi dijadikan alat “perpaduan bangsa atau negara” atau sebagai “lambang jati diri negara”.
2. Bagi menyelesaikan masalah kecekapan komunikasi di kalangan masyarakat majmuk.
3. Sebagai alat untuk membangun dan memajukan negara dalam berbagai-bagai bidang seperti bidang pendidikan, bidang teknologi, bidang budaya dan bidang ilmu.

Ketiga-tiga tujuan di atas didorong oleh kesedaran dan semangat kebangsaan. Ini ditentukan melalui perundingan politik, sebagaimana yang berlaku di Malaysia pada tahun 1956. Dasar bahasa yang kita warisi kini adalah satu “Kontrak Sosial” yang





dicapai melalui proses “tolak ansur” antara kaum. Dasar ini dikekalkan apabila Malaysia dibentuk. Perjanjian ini merupakan asas perpaduan kaum di Malaysia.

Bahasa Melayu di Malaysia diperkukuh kedudukannya melalui dua dasar utama iaitu Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Dasar Bahasa Kebangsaan ialah pernyataan yang meletakkan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan digunakan dalam semua situasi rasmi. Penggunaan bahasa lain dibenarkan tetapi bahasa Melayu mendapat kedudukan utama. Dasar Pendidikan Kebangsaan pula menetapkan bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah kebangsaan. Semua mata pelajaran diajarkan dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, bahasa Inggeris telah diperkenalkan sebagai mata pelajaran sejak darjah satu. Matlamatnya ialah bagi menjadikan pelajar mahir dan menguasai kedua-dua bahasa. Ini disebabkan bahasa Inggeris penting dalam proses mendapatkan ilmu pengetahuan.

Kedua-dua dasar ini digubal bagi menubuhkan negara berdaulat yang mampu berdikari dan tidak bergantung pada kuasa lain. Malaysia telah dijajah oleh British sejak 1786 hingga 1945 dan adalah pihak yang banyak mempengaruhi proses pembentukan negara ini. Kesan yang ketara adalah terhadap perkembangan ekonomi, pentadbiran, pendidikan dan hubungan kaum. Kerajaan British telah menjalankan *Dasar Pecah dan Perintah*. Ini bertujuan bagi mengeksploitasi semua sumber negara dan membentuk petempatan berdasarkan kaum. Seterusnya, memisahkan rakyat melalui kegiatan ekonomi yang berlainan. Implikasi yang jelas, dasar pecah dan





perintah tidak melahirkan perpaduan kaum dan sekali gus pemberontakan dapat dielakkan. Natijahnya, wujud pembangunan yang tidak seimbang. Pembangunan lebih bertumpu di pantai barat Semenanjung manakala pantai timur diabaikan. Pembangunan hanya dinikmati oleh sesetengah pihak. Selepas negara mencapai kemerdekaan, terbentuklah Dasar Pendidikan Kebangsaan dan bahasa Melayu dijadikan sebagai Bahasa Kebangsaan. Kewujudan Bahasa Kebangsaan dan penggunaannya dalam pentadbiran negara, dan menjadi saluran ilmu pengetahuan membuktikan bahawa negara kita mampu berdikari. Lebih penting ialah penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar bermatlamat bagi melahirkan generasi pelajar yang memperoleh ilmu pengetahuan dalam satu bahasa yang sama. Aspek ini adalah perancangan perpaduan negara jangka panjang. Inilah harapan yang telah disyorkan dengan jelas melalui Penyata Razak (1956) :



“... to bring together the children of all races under a national educational system in which the national language is the main medium of instruction, though we recognise that progress towards this goal cannot be rushed and must be gradual.”

“... menyatukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar, walaupun perkara ini dapat dilaksanakan dengan serta-merta melainkan hendaklah dibuat beransur-ansur.”

(Penyata Razak 1956: perenggan 12)

Objektif di atas menunjukkan bahawa pembinaan jati diri bangsa Malaysia dipupuk melalui sistem pendidikan yang menggunakan satu bahasa yang sama. Asmah Haji Omar dalam *Perancangan Bahasa dan Rujukan Khusus kepada Perancangan*





Bahasa Malaysia (1978) menyatakan bahasa adalah aspek utama sesuatu bangsa. Salah satu daripada fungsi bahasa ialah menjadi alat pemersatu, iaitu bahasa kebangsaan menjadi asas bagi masyarakat majmuk dalam sesebuah negara bersatu padu. Inilah faktor yang menjadi landasan pemimpin terdahulu semasa mereka menggubal Dasar Pendidikan Kebangsaan. Mereka menganggap bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dapat memainkan peranan menyatukan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa. Kedua, sebagai fungsi menunjukkan lambang jati diri rakyat Malaysia.

Pengumuman bekas Perdana Menteri Malaysia keempat, Mahathir bin Mohamad tentang keputusan bagi menggunakan bahasa Inggeris dalam mengajar dan belajar mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah telah mendapat sambutan dan pandangan yang berbelah bahagi daripada pelbagai pihak. Pengumuman ini dikatakan begitu menyedihkan kerana bagi pihak-pihak yang selama ini berjuang menaiktarafkan bahasa Melayu. Implikasi daripada keputusan ini ialah bahasa Melayu ditolak ke belakang dan seolah-olah hanya layak bagi membincangkan perkara ringan seperti kesusasteraan, agama dan moral. Keputusan ini bertentangan dengan syor keenam dan hasrat kelima belas dalam Penyata Rahman Talib (1960) iaitu:

Syor 6:

“Semua peperiksaan am di sekolah-sekolah menengah akan diadakan dalam salah satu bahasa rasmi sahaja”.

Syor 15:

“Langkah-langkah lebih lanjut hendaklah dijalankan untuk mengukuhkan kedudukan bahasa kebangsaan dalam sistem pelajaran negara”.

(Penyata Rahman Talib (1960): 6 dan 15)





Perubahan ini adalah sesuatu yang dinanti-nantikan oleh golongan yang selama ini resah terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam sukatan pendidikan, pentadbiran, dan perundangan. Golongan ini berasa gembira kerana pada pandangan mereka, dengan menggunakan bahasa Inggeris, corak pemikiran rakyat Malaysia akan berubah menjadi pemikiran antarabangsa. Walau bagaimanapun, kita harus sedar bahawa mengetahui sesuatu bahasa tidak bermakna kaum itu akan membangun. Contohnya, negara-negara Afrika, contohnya rakyat Kenya yang menguasai bahasa Inggeris tetapi masih mundur. Sesungguhnya kejayaan dan pembangunan tidak akan dicapai melalui impian individu, sebaliknya melalui pandangan dan pemikiran yang kritis, matang, dan sesuai dengan situasi zaman. Semua hal ini mampu dilakukan oleh mana-mana bahasa.

Jika kita menoleh ke belakang semasa bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar, pelbagai langkah dilaksanakan bagi membuktikan kemampuan dan kewibawaan rakyat Malaysia di dunia antarabangsa. Kemunculan ahli perniagaan dan cendekiawan yang mahir adalah bukti kukuh bahawa bahasa Melayu mampu menjadi wahana ilmu sains dan teknologi. Bandar raya Rom tidak dibina dalam sehari. Ini menunjukkan semua usaha memerlukan masa untuk berjaya. Begitu juga dengan bahasa Melayu. Penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik bukanlah wadah untuk menyelesaikan masalah pembangunan negara. Faktor-faktor baru, misalnya pengaruh globalisasi tidak jelas maknanya dijadikan alasan untuk mengubah suai dasar bahasa. Jika syor ini diteruskan, bagaimanakah pula dengan keinginan negara mengekalkan jati diri sendiri? Persoalannya, mengapakah kita harus menyesuaikan dasar bahasa mengikut desakan





dan kehendak politik dan ideologi bahawa dunia tidak akan bersempadan lagi. Terpesonanya kita dengan pengaruh bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa menyebabkan rakyat mengalami krisis tanggapan tentang peranan bahasa Melayu. Krisis baru ini menimbulkan kontroversi yang mempengaruhi Dasar Bahasa Kebangsaan kita.

Apabila Persekutuan Tanah Melayu merdeka pada tahun 1957, Bahasa Kebangsaan ialah bahasa Melayu. Hal ini termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan (1983) Perkara 152. Walau bagaimanapun, bahasa Inggeris boleh digunakan dalam kedua-dua Majlis Parlimen, dalam Dewan Negeri, dan bagi segala maksud rasmi, contohnya menjadi bahasa perbicaraan dalam Mahkamah Persekutuan atau mahkamah tinggi dan mahkamah rendah. Jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa lain (selain bahasa Melayu), bahasa Inggeris diberi kedudukan istimewa dalam Perkara 152 (2), (3), (4) dan (5).

Strategi memodenkan bahasa Melayu dilaksanakan melalui perancangan bahasa. Ini melibatkan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar dalam pendidikan. Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pendidikan menyediakan ruang yang luas untuk dijadikan bahasa moden. Oleh itu, kerajaan merancang dua tindakan. Pertama, membina bahasa Melayu sebagai bahasa moden. Kedua, meluaskan penggunaan bahasa Melayu di semua bidang kehidupan penutur-penuturnya. Bagi menjamin perkembangan bahasa Melayu, kerajaan menubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka. Manakala bagi meluaskan penggunaan





bahasa Melayu, kerajaan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah dan dalam pentadbiran negara. Maruah bangsa ialah kemerdekaan. Ini dapat dilihat melalui aspek bahasa, minda, politik, dan agama. Seandainya kemerdekaan mana-mana aspek tersebut hilang, maka maruah bangsa akan tergugat. Bahasa Kebangsaan adalah pemangkin bagi menjana minda sesuatu bangsa. Di samping itu, bahasa menjadi mekanisme menyatukan bangsa, mengukuhkan jati diri bangsa tersebut. Sejak mencapai kemerdekaan, Bahasa Kebangsaan telah berjaya membawa dan membina hubungan kaum yang lebih erat dan mesra. “Bahasa Jiwa Bangsa” adalah slogan yang merakamkan hasrat dan kepentingan negara bagi merancang supaya Bahasa Kebangsaan menjadi jentera membina kekuatan bangsa.

1.2 Dasar Bahasa di Malaysia dan Ciri-ciri Utamanya



Dasar bahasa di Malaysia menjadikan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi. Ini diwartakan sebagai Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan (1983) dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 iaitu:

“Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh Parlimen

Dengan syarat bahawa:

tiada sesiapa pun boleh dilarang atau ditahan daripada menggunakan (bagi apa-apa maksud, lain daripada maksud rasmi), atau daripada mengajar atau belajar apa-apa bahasa lain;

(Perlembagaan Persekutuan [Edisi 1983])





Peruntukan undang-undang itu menjadi asas kepada perkembangan bahasa Melayu di negara ini. Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan adalah bahasa yang dipilih secara rasmi bagi mewakili Malaysia menjadi suatu kuasa yang berdaulat. Dalam konteks ini, bahasa Melayu berperanan sebagai unsur pembinaan jati diri rakyat Malaysia. Seterusnya menjadi lambang perpaduan di kalangan penduduk yang berbilang kaum.

Dasar bahasa di negara ini dapat diringkaskan seperti berikut:

1. Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan negara Malaysia;
2. Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar di semua sekolah kebangsaan dan mata pelajaran wajib untuk lulus peperiksaan PMR dan SPM;
3. Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar utama di institusi pengajian tinggi awam;
4. Bahasa Melayu diajarkan sebagai mata pelajaran wajib di sekolah jenis kebangsaan;
5. Bahasa Inggeris diajarkan sebagai mata pelajaran wajib di semua sekolah;
6. Berdasarkan Akta Pendidikan 1996, semua institusi pengajian tinggi swasta hendaklah menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantarnya tetapi Menteri Pendidikan diberi kuasa untuk mengecualikan peruntukan ini, yakni membenarkan institusi pengajian tinggi swasta menggunakan bahasa lain sebagai bahasa pengantarnya;
7. Di luar bidang urusan rasmi kerajaan tiada siapapun di larang menggunakan atau mengajarkan atau mempelajari bahasa-bahasa lain, dan





8. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berhak mengekalkan dan memelihara penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum di negara ini.

Inilah dasar bahasa di Malaysia seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan (1983), Perkara 152 Akta Bahasa Kebangsaan 1967, undang-undang pendidikan kebangsaan sejak Akta Pelajaran 1957 yang menggantikan Education Ordinance 1950 hingga Akta Pendidikan tahun 1996. (Hassan Ahmad, *Dewan Bahasa* September 1999. hlm. 784 – 785).

1.3 Pelaksanaan Dasar Bahasa

Pelaksanaan dasar bahasa ialah tindakan dan usaha yang dilaksanakan oleh pihak yang menggubal dasar itu bagi mencapai tujuan dan matlamatnya. Aspek ini dapat diteliti dan dikaji “secara terbatas” atau “secara meluas”. Pelaksanaan secara terbatas bermaksud mengehendkan tindakan pelaksanaan berdasarkan apa-apa yang tersurat dalam undang-undang bahasa. Contohnya, dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan (1983) dan Akta Bahasa Kebangsaan (1967), penggunaan bahasa Melayu sebagai “bahasa rasmi” hendaklah dihadkan pada bidang-bidang urusan kerajaan sahaja seperti dalam bidang pentadbiran awam, bidang kehakiman dan perundangan. Oleh itu, kerajaan tidak boleh mengembangkan bahasa Melayu di luar bidang atau urusan rasmi kerajaan. Begitu juga di luar sistem pendidikan kebangsaan, bahasa-bahasa lain boleh digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah dan institusi pengajian tinggi swasta.





Apabila kita melihat bahasa Melayu dari segi tarafnya sebagai bahasa komunikasi luas, dan tidak semata-mata dari segi taraf undang-undangnya, maka maksud rasmi bahasa boleh kita fahami secara luas, iaitu tidak terbatas pada bidang-bidang “maksud rasmi” seperti mana yang secara khusus ditentukan dalam Perlembagaan Persekutuan (1983) dan dalam Akta Bahasa Kebangsaan (1967). Perihal dasar bahasa mewajibkan penggunaan bahasa Melayu dalam urusan rasmi kerajaan tidak bererti bahawa bahasa Melayu tidak boleh diaplikasikan di luar bidang itu. Situasi yang aneh timbul apabila penggunaan bahasa rasmi ini di luar sektor awam sentiasa menghadapi masalah undang-undang. Contohnya, ahli-ahli bahasa selalu berdepan dengan soalan “apakah kuasa undang-undang yang ada yang membolehkan anda memperluas penggunaan bahasa Melayu di luar bidang urusan rasmi kerajaan?”



1.4 Dasar Pendidikan Kebangsaan

Dasar-dasar yang dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin negara merupakan arah dan haluan yang perlu difahami dan seterusnya diamalkan oleh setiap jentera kerajaan. Sebuah Jawatankuasa Kabinet ditubuhkan pada tahun 1974 bagi mengkaji semula Dasar Pendidikan Kebangsaan dengan tujuan bagi memperbaiki Akta Pelajaran (1961). Kajian perlu dijalankan supaya matlamat bagi membina dan mewujudkan satu masyarakat yang bersepadu dan berdisiplin serta melahirkan tenaga kerja mahir bagi pembangunan negara tercapai.





1.5 Strategi Pelaksanaan

Beberapa strategi telah digubal bagi mencapai matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan ialah:

1. Menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang utama;
2. Mengadakan kurikulum yang sama dan berorientasikan Malaysia bagi semua jenis sekolah;
3. Mewujudkan sistem peperiksaan yang sama bagi semua;
4. Melicinkan tatacara pengurusan pendidikan;
5. Meningkatkan mutu pendidikan keseluruhannya dengan menyediakan pendidikan yang menyeluruh, seimbang dan bersepadu;
6. Mewujudkan peluang pendidikan asas selama sembilan tahun;
7. Mendemokrasikan pendidikan dari segi peluang dan mutu dengan mengagihkan peruntukan secara adil dan memberi perhatian khas kepada kumpulan yang kurang bernasib baik dan kawasan luar bandar atau pedalaman;
8. Menyediakan pendidikan rendah berdasarkan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang berasaskan 3M iaitu Membaca, Menulis dan Mengira. Seterusnya menyediakan pendidikan menengah mengikut Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSR) yang menekankan persepaduan antara unsur-unsur intelektual, rohani, emosi dan jasmani;
9. Memperluas pendidikan Vokasional dan Teknik;
10. Mempelbagaikan dan memperbanyak kemudahan pendidikan di peringkat universiti terutama dalam bidang sastera gunaan dan sains gunaan;
11. Mempertingkatkan pendidikan kerohanian, moral dan disiplin;





12. Menjadikan Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris mata pelajaran yang wajib diajarkan di sekolah-sekolah dan memberi peluang yang sempurna bagi pembelajaran bahasa-bahasa lain seperti Bahasa Cina dan Bahasa Tamil;
13. Mengadakan aktiviti kokurikulum yang memupuk disiplin, seperti pasukan kadet tentera, kadet polis, pengakap, puteri Islam, pandu puteri dan sebagainya.

Kesimpulannya, persetujuan tiga kaum terbesar di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India menerima bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan adalah satu keputusan yang tepat. Bahasa Melayu menjadi bahasa perhubungan antara masyarakat berbilang kaum. Secara tidak langsung, Bahasa Kebangsaan membantu perkembangan sistem pendidikan ke arah perpaduan kaum, pembangunan dan perkembangan sosioekonomi dalam sesebuah negara. Di samping itu, sistem pendidikan menghasilkan warganegara yang berwibawa, berilmu dan dapat membantu negara mencapai kemajuan.

Perancangan taraf dan perancangan bahan memberi kesan yang ketara bagi memantapkan lagi kedudukan bahasa Melayu.

